




# KIT PANDUAN SAMBUTAN AIDILFITRI DI RUMAH SEMASA PKPB COVID-19



جائتہن کما جوا ان اسلام ملیسہا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

# MUKADIMAH



YAB Perdana Menteri pada 10 Mei 2020 mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilanjutkan sehingga 9 Jun 2020. Ini bermakna, semua peraturan dan *Standard Operational Procedure* (SOP) yang dilaksanakan sepanjang tempoh PKPB sebelum ini akan kekal berkuat kuasa menjelang Syawal 1441H.

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menyarankan umat Islam supaya menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini secara sederhana pada hari raya pertama di rumah masing-masing sahaja dengan menangguhkan sambutan berbentuk tradisi.

Justeru, Kit Panduan Sambutan Aidilfitri Di Rumah Semasa PKPB ini disediakan sebagai panduan umum kepada umat Islam untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri di rumah masing-masing dengan amalan-amalan yang dituntut dalam syariat Islam.



# AMALAN YANG DITUNTUT PADA HARI RAYA AIDILFITRI

## 01. TAKBIR RAYA

Dituntut memperbanyakkan Takbir Raya bermula waktu Maghrib malam hari raya sehingga selesai Solat Sunat Hari Raya.

### LAFAZ TAKBIR

3X {  
 ① اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ  
 ② لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ  
 ③ اللهُ أَكْبَرُ وَاللهُ أَحْمَدُ.

① اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ  
 ④ اللهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا،  
 وَسُبْحَانَ اللهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا.  
 ⑤ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ  
 وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.  
 ⑥ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ،  
 وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ.  
 ⑦ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ اللهُ وَاللهُ أَحْمَدُ.

## 02. ZAKAT FITRAH

**Zakat Fitrah** wajib ditunaikan sebelum mendirikan Solat Sunat Hari Raya.

## 03. MANDI

**Mandi** pada pagi hari raya sebelum menunaikan Solat Sunat Hari Raya adalah disunatkan. Lafaz niat mandi sunat hari raya Aidilfitri adalah:

نَوَيْتُ الْغُسْلَ لِعِيدِ الْفِطْرِ سُنَّةَ اللَّهِ تَعَالَى

Maksudnya : “Sahaja aku Mandi Sunat Hari Raya Aidilfitri kerana Allah Taala”

## 04. PAKAIAN TERBAIK

Sunat berhias, berwangi-wangian dan **memakai pakaian yang terbaik** pada hari raya.

## 05. MAKAN

Disunatkan untuk **menjamah sedikit makanan** sebelum menunaikan Solat Sunat Hari Raya .



## 06. UCAPAN

Harus untuk mengucapkan tahniah dan ucapan Hari Raya seperti :

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكَ

"Taqabballahu Minna wa Minka"  
(Semoga Allah menerima amalan kami dan amalan kamu)

## 07. SOLAT SUNAT HARI RAYA

### KAIFIAT SOLAT SUNAT HARI RAYA AIDILFITRI

#### RAKAAT PERTAMA

- 1 Memulakan solat dengan **takbiratul ihram beserta niat** dengan melafazkan *Allahu Akbar* (الله أكبر). Lafaz niat solat:

أُصَلِّي سُنَّةَ عِيدِ الْفِطْرِ رَكَعَتَيْنِ إِمَامًا / مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja aku Solat Sunat Aidilfitri dua rakaat sebagai Imam / makmum kerana Allah SWT.*

- 2 Setelah takbiratul ihram, imam dan makmum membaca **Doa Iftitah**.

- 3 Setelah selesai bacaan Doa Iftitah, mengangkat tangan **bertakbir sebanyak tujuh (7) kali**. Imam akan bertakbir dan diikuti makmum.

## KAIFIAT SOLAT SUNAT HARI RAYA AIDILFITRI

### RAKAAT PERTAMA

4

**Membaca tasbih** antara setiap kali takbir dengan lafaz:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ  
الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

Maksudnya: “Maha Suci Allah, segala pujian bagi Allah, tiada Tuhan melainkan Allah, Allah Maha Besar, dan tiada daya dan upaya serta kekuatan (bagi kita) melainkan dengan kekuasaan Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Agung”

5

Seterusnya imam akan **membaca surah al-Fatihah** secara jahar (kuat) dan diikuti dengan bacaan mana-mana surah atau ayat dari al-Quran. Afdal imam membaca surah Qaf dan surah al-Qamar.

## KAIFIAT SOLAT SUNAT HARI RAYA AIDILFITRI

### RAKAAT PERTAMA

6

Bagi makmum, mereka turut diwajibkan membaca surah al-Fatihah kerana ia merupakan rukun bagi solat. Bacaan surah al-Fatihah bagi makmum lebih afdhal dibaca setelah imam selesai membaca surah al-Fatihah.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ  
 الرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ  
 نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ أَهْدِنَا الصِّرَاطَ  
 الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ  
 عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا  
 الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

7

Setelah itu, imam akan rukuk dan menyempurnakan rukun-rukun solat seperti biasa dengan diikuti oleh makmum.



## KAIFIAT SOLAT SUNAT HARI RAYA AIDILFITRI

### RAKAAT KEDUA

1

Sebaik sahaja imam bangkit berdiri tegak untuk rakaat kedua, imam **bertakbir** dan diikuti makmum sebanyak lima **(5) kali takbir**;

2

Sama seperti di rakaat pertama, melafazkan tasbih di antara takbir;

3

Setelah itu, imam akan **membaca al-Fatihah** dan diikuti dengan bacaan mana-mana surah atau ayat al-Quran. Afdal imam membaca surah al-A'laa dan al-Ghaasyiah.



## KAIFIAH SOLAT SUNAT HARI RAYA AIDILFITRI

### RAKAAT KEDUA

4

Sebagaimana di rakaat pertama, makmum juga wajib membaca surah al-Fatihah sewaktu imam membacakan surah atau ayat setelah selesai imam membacakan al-Fatihah.

5

Setelah itu, imam akan rukuk, sujud dan seterusnya sehingga selesai memberi salam.



Secara umumnya Solat Hari Raya Aidilfitri adalah sama dari segi rukun dan syarat solat fardu, kecuali perkara sunat yang ditambahkan iaitu bertakbir tujuh kali pada rakaat pertama dan lima kali pada rakaat yang kedua, disertakan dengan bertasbih di antara tiap-tiap takbir.



Sekiranya seseorang terlupa atau mengerjakan solat hari raya tanpa takbir yang disunatkan, solatnya adalah sah.

## 08. KHUTBAH HARI RAYA

### PANDUAN KHUTBAH

#### HARI RAYA AIDILFITRI

Bagi solat hari raya yang dilaksanakan secara berjemaah, ia turut diikuti dengan bacaan Khutbah Hari Raya Aidilfitri. Berikut adalah panduan dan tatacara menyampaikan khutbah hari raya;

✓ Setelah selesai solat hari raya, imam terus berdiri, menghadap ke arah makmum dan menyampaikan dua khutbah.






✓ Khutbah hari raya dimulakan dengan lafaz takbir sebanyak sembilan (9) kali berturut-turut pada khutbah pertama, dan tujuh (7) kali berturut-turut pada khutbah kedua;

✓ Khutbah di rumah, tidak perlu kepada mimbar dan tongkat. Memadai kerusi atau tempat duduk bagi imam duduk sebentar antara dua khutbah.

✓ Teks khutbah hari raya boleh di muat turun melalui portal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my) atau portal Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) di seluruh Malaysia.



## 09. ZIARAH HARI RAYA

-  Dihadkan hanya pada hari raya pertama sahaja.
-  Hanya ahli keluarga terdekat sahaja dan tidak melebihi 20 orang sehari (mengikut saiz kediaman).
-  Sentiasa mengamalkan penjagaan kebersihan dan amalan kesihatan (pengunaan pelitup muka dan pensanitasi tangan).
-  Sentiasa menjaga penjarakan sosial (1 meter).
-  Manfaatkan teknologi IT bagi menggantikan amalan ziarah menziarahi



## 10. ZIARAH KUBUR



Bacaan Yaasin dan Tahlil boleh diadakan di rumah bersama ahli keluarga sahaja selepas Solat Sunat Aidilfitri bagi menggantikan amalan menziarahi kubur pada hari raya, kecuali bagi negeri-negeri yang dibenarkan oleh pihak berkuasa agama negeri.

Disediakan oleh :

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
(JAKIM)**

Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,  
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,  
62100 Putrajaya Wilayah Persekutuan  
Tel : 03-8870 7000 Fax : 03-8870 7003  
emel : [ukkjakim@islam.gov.my](mailto:ukkjakim@islam.gov.my)



*TV Jakim*



*myjakim*



**JAKIM**

*Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*